

**KITA BOLEH MENANG BERSAMA**

PENANG LAWAN COVID-19

1 - 15 MAC, 2022

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Tebatan Banjir Mak Mandin

## manfaatkan 12,000 penduduk




KETUA Menteri meninjau pengoperasian Rumah Pam Mak Mandin sejurus pelancarannya dekat sini baru-baru ini.




Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BAGAN JERMAL** - Sebagaimana dirancang, keseluruhan Projek Tebatan Banjir Mak Mandin yang melibatkan peruntukan terbesar Kerajaan Negeri iaitu kira-kira RM45 juta kini siap.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa projek berskala besar itu memberi manfaat kepada kira-kira 12,000 penduduk terutamanya di Taman Bagan, Taman Cantik, Pusat Pakar Bagan, Sekolah Menengah Kebangsaan Tamil Mak Mandin serta sekitar Jalan P. Patto.

Tambah beliau lagi, pelaksanaan projek itu juga diharap dapat membantu Pulau Pinang mendepani perubahan iklim yang membawa kepada risiko bencana banjir pada masa akan datang.

"Saya yakin dan percaya bahawa projek yang telah siap dibina ini akan meningkatkan perlindungan banjir ke tahap optimum terutamanya dalam kawasan sekitar 300 hektar.

"Malah, projek ini juga akan membawa manfaat kepada penduduk setempat terutamanya di kawasan berisiko tinggi (kira-kira) 80 peratus di Bagan dan Mak Mandin," jelasnya dalam Majlis Perasmian Rumah Pam Projek Tebatan Banjir Mak Mandin dekat Jalan Bagan 23 di sini pada 22 Januari 2022.

Difahamkan, projek penaiktarafan Rumah Pam Mak Mandin bermula pada 16 Mac 2018 dan siap pada 8 November 2021 selepas melalui pelbagai masalah berbangkit dan fasa pandemik COVID-19 yang berpanjangan.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri kini sedang melaksanakan projek-projek tebatan banjir berimpak tinggi bernilai kira-kira RM150 juta melalui peruntukan negeri.

"Projek yang dirancang ini memberi tumpuan kepada beberapa kawasan *'hotspot'* banjir yang mana empat daripadanya adalah di Daerah Seberang Perai Tengah.

"Kawasan yang terlibat adalah Parit 4, Parit 5, Sungai Permatang Rawa dan Kolam Takungan Alma manakala tiga lagi di Daerah Barat Daya (Bayan Baru, Taman Iping dan Sungai Tiram) serta di Daerah Seberang Perai Utara (Mak Mandin)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Sambil merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang, Kon Yeow menyatakan bahawa projek tebatan banjir berimpak tinggi di Parit 4, Parit 5 dan Projek Mak Mandin berkaitan telah siap berfungsi.

"Dua projek (lain) di Taman Iping dan Bayan Baru dijangka siap dalam masa terdekat sementara projek Kolam Alma pada fasa pembinaan dan Permatang Rawa pula dalam proses reka bentuk semula," ulasnya.

Dalam perkara berkaitan, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan atas penyaluran peruntukan Persekutuan berjumlah RM150 juta kepada JPS Negeri Pulau Pinang bagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tanjong memaklumkan bahawa pentadbirannya akan melaksanakan RTB Taman Siakap yang dijangka bermula pada tahun ini dengan kos RM20 juta.

# Tingkatkan pengetahuan CPR, guna AED di masjid

**SEBERANG JAYA –** Pengetahuan asas bantuan pernafasan kecemasan (CPR) dengan menggunakan mesin *Automated External Defibrillator* (AED) yang ditingkatkan di masjid-masjid seluruh negeri Pulau Pinang mampu menyelamatkan ahli kariah saat menghadapi serangan jantung mengejut (SCA).

Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata demikian semasa merasmikan Jelajah Program CPR & AED Kalangan Kariah Masjid Seluruh Negeri Pulau Pinang pada 23 Januari 2022.

"Apabila berlakunya serangan jantung mengejut dan berhentinya fungsi jantung untuk mengepam darah, pemulihan jantung serta pernafasan iaitu CPR serta penggunaan AED dengan segera adalah perkara utama untuk menyelamatkan mangsa.

"Justeru, pengetahuan tentang teknik asas melakukan CPR dengan betul dan penggunaan mesin AED adalah perkara yang perlu dititikberatkan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti dalam majlis berkaitan yang dilangsungkan di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dekat Bandar Perda di sini.

Di samping itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang saling bekerjasama dengan Persatuan Pemulihan Jantung Pulau Pinang (PHSS) bagi menjayakan program jerayawara peringkat masjid-masjid kariah tersebut.

Presiden PHSS, Dato' Dr. Luah Lean Wah memberitahu bahawa kelewatan setiap minit dalam memulakan CPR akan meningkatkan kadar kematian sebanyak 10 peratus.

Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar; Pengarah Hospital Seberang Jaya, Dr. Saiful Azlan Sharif dan Ustaz Khairul Azman Azizan (Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid & Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP) antara pemimpin negeri yang turut menyertai bengkel amali CPR dan AED tersebut.



**DR. Norlela Ariffin (berjubah perang) dan Nurul Izzah Anwar (duduk, kiri sekali) memerhatikan demonstrasi CPR dan AED yang dijalankan bersempena jelajah program berkaitan di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, hampir 100 ahli kariah masjid tempatan serta wakil masjid sekitar daerah SPT kemudiannya menjalani sesi amali CPR dan AED di sini dengan bantuan pegawai terlatih daripada PHSS.

## ZPP berjaya kutip RM147.25 juta tahun 2021

**SEBERANG JAYA –** Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengekalkan momentum dari segi prestasi kutipan dan agihan zakat pada tahun lepas walaupun masih berdepan cabaran pandemik COVID-19.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, ZPP berjaya mengutip sejumlah RM147,247,345.90 juta merangkumi zakat harta dan zakat fitrah pada tahun 2021 berbanding RM130,857,624.07 pada tahun sebelumnya.

"Prestasi kutipan zakat harta adalah berjumlah RM141,219,358.71 juta pada tahun 2021 berbanding RM125,297,037.26 (2020) iaitu peningkatan sebanyak 12.58 peratus.

"Bagi zakat fitrah pula, jumlah yang berjaya dikutip adalah RM6,027,987.19 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM5,580,586.81," katanya ketika membentangkan Laporan Prestasi Kutipan Agihan ZPP di sini 10 Februari lalu.

Turut hadir, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dr. Roslan Ahmad; Setiausaha MAINPP, Dato' Samsudin Bakar serta Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali.

Ahmad Zakiyuddin berkata, bilangan pembayar zakat harta (muzakki) pada tahun 2021 adalah seramai 74,183 orang berbanding 70,677 pada tahun 2020.

ZAKAT PULAU PINANG
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

"Jumlah ini menunjukkan peningkatan seramai 3,506 orang atau 4.96 peratus," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.

Dalam perkara berkaitan, beliau memberitahu bahawa kutipan zakat melalui potongan gaji atau Skim Sakinah adalah berjumlah RM60,627,842.67 pada tahun 2021 berbanding RM58,245,885.91 pada tahun sebelumnya.

"Kadar peningkatan kutipan melalui skim ini adalah sebanyak RM2,381,956.76 atau 4.08 peratus.

"Kutipan zakat harta menerusi portal *www.zakatpenang2u.com* turut meningkat kepada RM3,252,976.33 pada tahun 2021 berbanding RM3,164,043.64 pada tahun 2020 dengan peningkatan sebanyak RM88,932.69," katanya.

Beliau yang juga merupakan Yang di-Pertua MAINPP berkata peningkatan kutipan zakat adalah dipengaruhi oleh aktiviti dakwah zakat secara agresif dan kempen secara digital yang dijalankan dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

"Selain itu, kempen media sosial dan kewujudan portal dalam talian juga memberi impak terutamanya dalam inisiatif pembayaran zakat tanpa tunai dengan jumlah yang direkodkan pada tahun 2021 ialah sebanyak RM123,809,076.62.

"Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula merekodkan kutipan tertinggi sebanyak 69.7 peratus berbanding tahun 2020," jelasnya.

Menyentuh aspek agihan zakat kepada asnaf pula, beliau memberitahu bahawa sepanjang tahun 2021, ZPP berjaya mengagihkan sebanyak RM141,551,752.06 berbanding tahun 2020 yang merekodkan sejumlah RM126,581,574.21 iaitu meningkat 11.8 peratus.

"Walau bagaimanapun, bilangan penerima zakat telah menurun daripada 41,690 orang pada tahun 2020 kepada 40,711 orang pada tahun lepas iaitu berkurangan sebanyak 3.07 peratus.

"Penurunan jumlah penerima zakat adalah kerana skim bantuan awal persekolahan zakat bagi tahun 2022 terpaksa ditangguhkan ekoran penundaan pembukaan sesi persekolahan pada tahun ini," ulasnya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa ZPP telah menambah nilai skim sedia ada pada tahun lepas dengan memfokuskan kepada bantuan pasca pandemik COVID-19 terutamanya bagi usahawan asnaf melibatkan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat korporat.

"Oleh itu, jumlah Skim Bantuan Khas Zakat COVID-19 sepanjang tahun 2021 hanya merekodkan kira-kira RM2.96 juta disebabkan kewujudan pelbagai skim lain oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk membantu golongan terjejas.

"Namun begitu, skim bantuan COVID-19 akan tetap diteruskan pada tahun ini memandangkan penularan pandemik COVID-19 belum berakhir," katanya.

Dalam perkara berkaitan, Ahmad Zakiyuddin berkata susulan prestasi ekonomi yang semakin pulih, ZPP menyasarkan kutipan zakat sebanyak RM161.5 juta bagi tahun ini.

"ZPP menyasarkan pembayar seramai 79,500 orang yang terdiri daripada individu dan entiti perniagaan yang layak," ulasnya lanjut.

# Kad laporan komitmen capai Visi Penang2030

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang melancarkan Kad Laporan Pencapaian 3 Tahun yang pertamanya sebagai komitmen untuk mencapai Visi Penang2030.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa penghasilan kad laporan berkenaan adalah bertujuan memastikan Kerajaan Negeri berada pada landasan yang betul dan tidak tersasar daripada matlamat ditetapkan.

Tambah beliau, kad laporan berbentuk info grafik itu mengandungi maklumat berkaitan jenis-jenis projek yang dimulakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang antara Mei 2018 sehingga September 2021.

"Naskhah ini mungkin tidak sempurna tetapi ia merupakan langkah pertama akauntabiliti terhadap rakyat negeri ini.

"Demi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat, kad laporan pertama ini turut menggariskan program dan projek termasuk inisiatif perumahan, perubahan iklim, ekonomi, teknologi pendigitalan, keluarga, pemerkasaan belia serta kesaksamaan jantina.

"Semua pencapaian ini adalah hasil usaha barisan ahli Exco serta seluruh jentera pentadbiran awam dan swasta termasuk jabatan serta agensi berkaitan di negeri ini," katanya semasa melancarkan kad laporan berkenaan di sini 21 Januari lalu.




**KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri sejurus Majlis Pelancaran Kad Laporan Pencapaian 3 Tahun di sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus; barisan Exco; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Ahli-ahli Parlimen; ketua-ketua jabatan serta agensi Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut menyentuh mengenai hala tuju Kerajaan Negeri dalam mempercepatkan pencapaian Penang2030 berlandaskan tiga inisiatif utama merangkumi Inisiatif Setempat, Inisiatif Pembangunan Komuniti dan Inisiatif Libat Urus Industri.

"Melalui Inisiatif Setempat, kita akan membangunkan hab inovatif digital dengan mewujudkan suatu Daerah Kreatif yang akan menjadi pemangkin kepada K-Ekonomi (ekonomi berasaskan pengetahuan) pada masa hadapan.

"Bagi Inisiatif Pembangunan Komuniti pula, Kerajaan Negeri menjalinkan kerjasama yang erat dan kolaborasi strategik dalam penganjuran program atau aktiviti bersama syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Bukan itu sahaja, penglibatan Kerajaan Negeri, masyarakat awam dan pihak swasta akan membentuk satu ekosistem yang lebih maju, mampan serta mampu memperluaskan asas pelaburan lebih-lebih lagi pada era pasca pandemik COVID-19," jelasnya.

Pada masa sama, beliau berharap agar Visi Penang2030 - Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara akan melonjakkan lagi potensi dan kecemerlangan Pulau Pinang pada masa hadapan.

"Selepas kira-kira tiga bulan menerajui tampuk pentadbiran, saya melihat keperluan untuk melonjakkan lagi potensi dan kedudukan negeri ini selepas pelbagai kejayaan dicipta dalam tempoh 10 tahun lalu.

"Begitu besar harapan saya untuk melihat negeri yang tercinta ini berada di persada antarabangsa dalam tempoh 50 tahun akan datang bertitik tolak dari visi yang sedang kita semaikan ini," ulasnya.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Kon Yeow menyatakan bahawa secara umumnya prestasi keseluruhan Kerajaan Negeri selama tempoh tiga tahun adalah sebanyak 75 peratus meliputi projek-projek dan program yang dilaksanakan dalam jangka masa tersebut.

"Selain kad laporan, Kerajaan Negeri juga akan sediakan satu papan pemuka melalui laman web Penang2030 untuk memaparkan secara terus perkembangan projek-projek dan program yang dilaksanakan di negeri ini bagi membolehkan rakyat memberikan maklum balas," ujarnya.

Untuk maklumat lanjut berkaitan pencapaian-pencapaian Kerajaan Negeri dalam tempoh tiga tahun ini boleh layari laman web, *www.penang2030.com.*

# Mengorak langkah proaktif langkaui 50 tahun perindustrian

**PANTAI JEREJAK -** Selama 50 tahun Pulau Pinang telah membentuk asas yang kukuh serta meraih manfaat daripada sektor industri pembuatan dan kini terus mengorak langkah lebih proaktif untuk meneroka peluang baharu melangkaui 50 tahun akan datang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, bermula daripada zon perdagangan bebas pertama di Malaysia pada tahun 1972 hinggalah dikenali sebagai Lembah Silikon Timur, Pulau Pinang kini menjadi salah satu destinasi tumpuan utama para pelabur sama ada tempatan mahupun luar negara.

"Prestasi Pulau Pinang yang amat membanggakan ini adalah bukti bahawa negeri ini mempunyai persekitaran yang kondusif sekali gus meletakkan Pulau Pinang pada barisan hadapan dalam sektor perindustrian negara.

"Lima dekad kecemerlangan dalam industri pembuatan telah meletakkan asas yang kukuh bagi Pulau Pinang untuk membuka potensi lebih meluas dan tanpa had.

"Melangkah ke hadapan, saya pasti kita sedar bahawa trend semakin meningkat dan perlu untuk Pulau Pinang berusaha mempertahankan kelebihan daya saing dengan menerokai dan menembusi sektor industri bernilai tinggi serta mengukuhkan sektor industri sedia ada," ujarnya pada Majlis Ulang Tahun Ke-50 Perindustrian Pulau Pinang di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pada 17 Januari lalu.

Hadir sama, Penasihat Pelaburan Khas kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus; Ketua Pegawai Eksekutif Invest Penang, Dato' Loo Lee Lean; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PDC (Pengurusan), Abdul Latiff Abd. Aziz dan mantan Pengurus Besar PDC, Datuk Seri Chet Singh.

Bertemakan *"50 Years of Excellence and Beyond"*, Kon Yeow yang juga Pengerusi Ahli Lembaga PDC turut menzahirkan penghargaan kepada semua pemain industri atas keyakinan berterusan terhadap Pulau Pinang.

"Tidak dilupakan agensi-agensi negeri dan Persekutuan yang terlibat secara bersepadu dalam mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai lokasi pelaburan pilihan sepanjang perjalanan perindustrian selama 50 tahun ini.

"(Dan) untuk sambutan ulang tahun bagi tahun ini terdapat 12 tema yang mana setiap daripadanya adalah berbeza untuk setiap 12 bulan dengan tumpuan terhadap bidang elektrik dan elektronik (E&E), teknologi perubatan, teknologi digital dan perkhidmatan perniagaan global (GBS), teknologi makanan serta teknologi angkasa lepas.

"Selain itu, keusahawanan berteraskan teknologi tempatan dan syarikat permulaan juga akan ditampilkan yang mana penggunaan teknologi terkini bersesuaian dengan Revolusi Industri 4.0 dalam memacu produktiviti, inovasi dan bakat berkemahiran tinggi.

"Semua 12 tema itu adalah bertepatan dengan Visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara dan kita (pentadbiran Pulau Pinang) berikrar untuk terus mengekalkan kemapanan negeri ini," jelasnya.

Sementara itu, Kah Choon berkongsi perjalanan perindustrian Pulau Pinang yang melalui babak-babak penting dalam sejarah negeri.

"Bermula dengan kadar pengangguran yang tinggi pada tahun 1972, kemelesetan ekonomi, pandemik dan sehingga kini, Pulau Pinang tidak mempunyai pekerja yang mencukupi untuk memenuhi permintaan industri.

"Oleh itu, penting untuk mengadakan sambutan seperti ini kerana kita bukan sekadar meraikan pencapaian lalu tetapi juga melihat prospek masa hadapan.

"Pulau Pinang juga berada pada kedudukan yang lebih baik untuk membawa peralihan ke arah lain yang mana kita mempunyai anjakan dalam teknologi, syarikat dan bakat untuk melangkah ke peringkat seterusnya.

"Semua ini meletakkan negeri ini pada trajektori yang tepat untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi dan terus memanfaatkan sektor perindustrian Pulau Pinang," katanya.

Menurut beliau, semasa pandemik, Pulau Pinang menyumbang kira-kira 32 peratus daripada jumlah eksport Malaysia dan hampir 60 peratus daripadanya adalah melalui eksport E&E negara serta sekurang-kurangnya lapan peratus eksport di seluruh dunia.

"Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam mengekalkan kesejahteraan rantaian bekalan global bagi pengembangan sektor teknologi.

"(Dan) saya percaya Pulau Pinang akan terus membina asasnya untuk memastikan kelangsungan dalam bidang teknologi dan perspektif ekonomi," jelasnya.

# Pulau Pinang sambut baik pertambahan pemilih 'Undi 18'

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedaya upaya memberi kerjasama bagi memastikan demokrasi di negara ini terus disuburkan dengan penglibatan semua pihak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian ketika berucap pada Sesi Libat Urus Pelaksanaan Umur Kelayakan Pengundi 18 Tahun Dan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik dekat Dewan Sri Pinang di sini pada 12 Februari 2022.

Menurut beliau, selain memastikan amalan demokrasi tetap subur, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga akan memastikan kestabilan serta kemakmuran di negeri ini terus terpelihara sepanjang masa.

"Sepertimana yang semua sedia maklum, dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Persidangan Keempat, Dewan Undangan Negeri yang Ke-14 pada 1 September 2021 telah meluluskan Rang Undang-Undang Perlembagaan Pulau Pinang (Pindaan 2021) bagi menurunkan had umur warganegara yang layak untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

"(Dan) dengan undian sebulat suara, maka pindaan tersebut telah dikuatkuasakan pada 9 Disember 2021 (di Pulau Pinang)," ujarnya sambil menzahirkan penghargaan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) kerana mengadakan sesi libat urus memberi penjelasan berkaitan pelaksanaan umur pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik yang telah mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2021.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil SPR merakam gambar kenangan sejurus Sesi Libat Urus Pelaksanaan Umur Kelayakan Pengundi 18 Tahun Dan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong memaklumkan bahawa dengan pelaksanaan inisiatif baharu tersebut, jumlah pemilih berdaftar turut meningkat.

"Di Pulau Pinang, jumlah pemilih berdaftar meningkat daripada 966,878 orang sebelum ini kepada 1.22 juta orang iaitu pertambahan 256,734 orang, dan jumlah pemilih berdaftar ini dijangka akan meningkat setiap bulan.

"Pertambahan jumlah pemilih ini sudah tentu akan memberikan kesan kepada pertambahan jumlah pemilih di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN).

"Saya percaya semua wakil rakyat berasa amat berbesar hati menerima pertambahan jumlah pemilih kerana ia telah diluluskan sebulat suara di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada 16 dan 25 Julai 2019 yang lalu," jelas ADUN Padang Kota itu.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi SPR Malaysia, Dr. Azmi Sharom memberitahu bahawa pertambahan pemilih berdaftar seluruh negara meningkat daripada 15.3 juta pemilih sebelum ini kepada 21.0 juta orang pada 31 Disember 2021.

"Daftar Pemilih Tambahan (DPT) pertama merangkumi mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas adalah seramai 5.7 juta orang dan telahpun diwartakan pada 14 Januari 2022.

"(Dan) daripada jumlah tersebut (5.7 juta pemilih) jumlah pemilih baharu yang telah didaftarkan di Pulau Pinang adalah seramai 256,734 orang," katanya ketika menyampaikan taklimat berkaitan mekanisme dan perbezaan antara pendaftaran sebelum ini dengan pendaftaran baharu secara automatik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; barisan Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang; Timbalan Setiausaha (Strategik) Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), Norzawatil Amali Alias dan Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang, Dr. Siti Nazariah Abdul Zalim antara yang turut sama menyertai sesi libat urus berkaitan.

# 'Stadium Batu Kawan' kembali dibuka kepada umum

**BUKIT TAMBUN –** Mulai 1 Februari 2022, balapan Stadium Negeri Pulau Pinang dekat Batu Kawan kembali dibuka kepada orang awam untuk aktiviti rekreasi setelah kira-kira lapan bulan ditutup bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan.

Mengumumkan perkara itu, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee memberitahu bahawa Kerajaan Negeri membelanjakan kira-kira RM5,279,725 bagi menyelenggara fasiliti sukan di stadium berkaitan melalui Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang.

Menurut beliau, kerja-kerja penyelenggaraan serta naik taraf fasiliti yang telah siap di stadium berkenaan adalah termasuk trek balapan, lampu limpah dan pendingin udara.

“Jarang kita dengar stadium yang baru siap diselenggara dan dilengkapi dengan kemudahan baharu akan dibuka kepada orang awam.

“Tetapi, saya ingin mengumumkan bahawa mulai 1 Februari (2022), balapan di Stadium Negeri Pulau Pinang ini akan kembali dibuka kepada orang awam untuk menjalani aktiviti rekreasi, seperti sebelum ini demi merealisasikan misi ‘Sukan Untuk Semua’ iaitu sebagaimana dihasratkan di bawah Visi Penang2030,” jelasnya selepas melawat tapak projek naik taraf balapan di Stadium Negeri Pulau Pinang di sini pada 24 Januari 2022.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal turut menyatakan bahawa Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) turut menugaskan seorang jurulatih sepenuh masa, N. Shanmugananthan bagi memberi nasihat profesional kepada orang awam yang berminat menjalani latihan olahraga di balapan stadium negeri ini.

Difahamkan, Shanmugananthan merupakan bekas atlet yang memecahkan rekod kebangsaan dalam acara larian 3,000 meter (m) berhalangan dalam Sukan Komanwel pada 17 September 1998 di Kuala Lumpur.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua berkata bahawa pihaknya juga akan menyusun semula jadual latihan para atlet untuk memaksimumkan penggunaan segala kemudahan di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan.

“Balapan stadium ini dibuka secara percuma mengikut prosedur operasi standard (SOP) berkaitan tiap-tiap hari kepada orang awam dalam dua sesi masa iaitu 7 pagi hingga 9 pagi dan 5 petang hingga 7 malam,’’ulasnya lanjut.




**STADIUM Negeri Pulau Pinang dekat Batu Kawan.**



**SOON Lip Chee (tiga dari kanan) dan Harry Chai Heng Hua (kanan sekali) meneliti trek balapan Stadium Negeri Pulau Pinang dekat Batu Kawan yang telah menjalani kerja-kerja naik taraf di sini baru-baru ini.**

# Hidupkan warisan negeri, pemilik premis terima pengiktirafan










**1. TEH Lai Heng (kanan sekali) dan Dr. Ang Ming Chee (kiri sekali) merakam gambar bersama-sama Haja Mohideen OSM Mohd. Shariff (dua dari kanan) bersempena pengiktirafan yang dianugerahkan baru-baru ini.**

**2. SIM Chew Poh (kiri) yang merupakan generasi kedua pemilik premis Seang Hin Leong yang menjual produk kraf tangan berasaskan rotan dan kayu.**

**3. DANIEL Gooi Zi Sen (kiri sekali) menyerahkan sijil pengiktirafan kepada Eu Yeok Siew.**

**BEBERAPA** pemilik premis yang dikenal pasti terlibat dalam usaha kesinambungan warisan lama sekitar bandar raya Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town baru-baru ini menerima sijil penghargaan dan plak pengiktirafan berkaitan daripada *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik Ketua Menteri bersama-sama Pengurus Besar GTWHI, Dr. Ang Ming Chee sendiri turun padang dari satu premis ke satu premis berkenaan bagi menyerahkan sijil penghargaan dan plak kepada para penerima anugerah yang layak.

**LEE CHIN POH**, iaitu pemilik *Penang Heritage Joss Stock Maker* di Lorong Muda antara premis yang menerima sijil penghargaan dan plak anugerah daripada GTWHI.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Chin Poh berkata bahawa perniagaan colok tradisi itu adalah legasi keluarganya yang diusahakan oleh ayahnya sejak era 1940-an.



**LEE Chin Poh.**

“Selepas ayah meninggal dunia pada Disember tahun lepas, beliau juga ada bagi pesanan supaya teruskan urus perniagaan tradisi berkaitan untuk legasi keluarga.

“Selepas saya mengambil alih perniagaan ini, saya ada buat inovasi pada bahan asas berasaskan organik dan tiada campuran bahan-bahan kimia mengikut permintaan semasa pelanggan,” jelasnya kepada wartawan **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **CHAN KOK KUAN**.

Tambah Chin Poh, beliau tidak kisah sekiranya ada penuntut sama ada warganegara ataupun bukan warganegara mahu belajar menghasilkan colok tradisi keluarganya supaya terus kekal diwarisi oleh generasi akan datang.

**EU YEOK SIEW** iaitu pemilik gedung ubat tradisional *Ren I Tang* dekat Lebuh Pinang, George Town turut memuji usaha GTWHI membuat serahan tangan sijil penghargaan dan plak pengiktirafan kepada pihak yang dilihat terlibat dalam menghidupkan kesinambungan warisan lama.

ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen yang turut menyertai jerayawara tersebut berkata bahawa pihaknya berharap usaha GTWHI untuk memastikan kesinambungan warisan budaya lama di bandar raya ini tidak terhenti setakat acara serahan tangan berupa sijil penghargaan dan plak pengiktirafan semata-mata.

“Saya berasa lebih ramai individu yang mempertahankan perdagangan secara warisan di tapak warisan dunia UNESCO wajar mendapat pengiktirafan seumpama ini.

“Dan, kita (pemimpin negeri dan wakil GTWHI) hadir sendiri ke premis mereka menunjukkan keikhlasan kita atas sumbangan yang mereka pertahankan (warisan budaya lama tempatan) selama ini,” jelasnya kepada Buletin Mutiara.

Dalam acara berasingan, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** (wartawan) dan **DARWINA MOHD. DAUD** (jurugambar) turut menyertai acara serahan tangan sijil pengiktirafan dan plak penghargaan GTWHI kepada lima penerima lain.

Pemilik kedai songkok tradisional, **HAJA MOHIDEEN OSM MOHD. SHARIFF** turut diberikan pengiktirafan daripada GTWHI. Haja Mohideen merupakan generasi kedua pembuatan songkok di tengah-tengah bandar raya George Town.

“Pembuatan songkok berdepan cabaran ekoran tiada lagi generasi muda minat melakukan kerja tersebut. Kerja ini tidak terlalu susah tetapi mungkin kerana hasil yang kurang lumayan, jadi generasi muda tidak berminat meneruskan legasi ini.

“Mungkin ada kerja-kerja lain yang mereka boleh dapat gaji yang banyak. Ada yang datang belajar dan cuba buat tetapi selepas itu tidak lagi datang, separuh jalan sahaja belajar.

“Untuk penghasilan, satu songkok dianggarkan dalam masa dua jam kalau tumpu pada kerja itu sahaja,” ulasnya yang kini dibantu oleh menantunya di premis dekat Lebuh King.

Sebanyak 31 organisasi dan individu menerima pengiktirafan GTWHI sebagaimana dihasratkan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri sebagai galakan untuk terus menghidupkan warisan dan budaya di Pulau Pinang.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Kubu kebal PERANG DUNIA KEDUA bakal dipulihara



STRUKTUR dalaman *pillbox.*

Gambar : **LAW SUUN TING**

**TANJUNG BUNGA** – Kerajaan Negeri melalui *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) bakal melaksanakan projek pemuliharaan dan pemeliharaan kubu kebal *(pillbox)* peninggalan Perang Dunia Kedua yang terdapat di negeri ini.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata bahawa pelaksanaan projek itu adalah susulan penemuan beberapa kubu kebal dekat Teluk Kumbar oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang pada Oktober 2020.

"Pelaksanaan projek ini adalah untuk menjalankan kajian terhadap kubu kebal yang merupakan sumber sejarah penting bagi negeri Pulau Pinang.

"Setakat ini, GTWHI telah mengenal pasti sebanyak 14 kubu kebal yang terdapat di Pulau Pinang iaitu 13 di bahagian pulau manakala satu lagi di Seberang Perai, tetapi kita jangkakan lebih banyak akan dijumpai selepas ini.

"Selepas dipulihara, kubu kebal ini akan diubah suai menjadi tarikan baru selaras dengan konsep pelancongan warisan yang terkandung dalam Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang," katanya dalam sidang media semasa mengadakan lawatan ke tapak kubu kebal dekat Tanjong Tokong di sini 9 Februari lalu.



YEOH Sooh Hin.

Pengurus Besar GTWHI, Dr. Ang Ming Chee turut serta dalam lawatan tersebut.

Soon Hin berkata, projek pemuliharaan dan pemeliharaan kubu kebal bakal dilaksanakan melalui enam fasa dan dijangka mengambil masa kira-kira dua hingga tiga tahun untuk disempurnakan.

"Kita masih di peringkat Fasa 1 yang melibatkan kajian dokumentasi dan penyediaan inventori kubu kebal yang telah dikenal pasti kerana sebelum ini tidak ada kajian terperinci mengenai perkara ini.

"Aktiviti-aktiviti yang terlibat pada peringkat ini termasuk mengenal pasti geolokasi, ukuran, pemilik tanah, menganalisa keadaan fizikal binaan serta mengumpul maklumat sejarah yang berkaitan.

"Ini kerana setiap kubu kebal mungkin mempunyai ciri-ciri yang berlainan mengikut fungsi serta lokasinya.

"Sehingga kini, pasukan GTWHI telah berjaya melengkapkan 90 peratus kerja-kerja berperingkat Fasa 1," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Mengulas lanjut, Soon Hin menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri kini dalam proses mendapatkan maklum balas daripada Kementerian Pertahanan Malaysia serta bantuan teknikal Muzium Tentera Darat memandangkan kubu kebal mempunyai kaitan dengan ketenteraan.

"Kami juga sedang mendapatkan maklum balas bertulis daripada beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Warisan Negara dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sebelum kerja-kerja pemuliharaan serta pemeliharaan dijalankan.

"Selain itu, GTWHI juga sedang mengenal pasti pemilik tanah bagi lokasi-lokasi kubu kebal yang telah dijumpai ini kerana kita memerlukan persetujuan bertulis daripada pemilik tanah untuk membolehkan kerja-kerja pemuliharaan dijalankan.

"Malah, kita juga telah mencadangkan kepada Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang untuk mewartakan kubu kebal sebagai tapak warisan di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 bagi melancarkan pelaksanaan projek," katanya.

Sementara itu, Ming Chee menjelaskan bahawa pelaksanaan projek pemuliharaan dan pemeliharaan kubu kebal memerlukan perancangan yang sangat rapi supaya ia lebih mampan.

"Sebenarnya, kerja-kerja di Fasa 1 melibatkan inventori dan dokumentasi memakan masa yang agak lama kerana kita perlu membuat perancangan teliti.

"Kita mahu projek ini bukan sahaja menjaga nilai sejarah warisan tetapi juga mampu memberi manfaat kepada komuniti setempat," ujarnya.



YEOH Sooh Hin (berbaju putih) dan Dr. Ang Ming Chee ketika meninjau keadaan *pillbox* peninggalan Perang Dunia Kedua di sini baru-baru ini.

# Perpustakaan mini pondok telefon lama semai minat membaca belia



PERPUSTAKAAN mini terletak di Lebuh Pantai yang dicat dengan pelbagai warna.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**SIAPA** sangka pondok telefon lama yang terbiar sejak sekian lama di tengah-tengah bandar raya bersejarah George Town kini berubah menjadi perpustakaan mini yang menarik serta bermanfaat kepada orang awam.

Terletak di sepanjang Lebuh Pantai, perpustakaan mini tersebut bukan sahaja menjadi tempat tumpuan orang ramai bagi mendapatkan bahan bacaan, malah turut menjadi lokasi pilihan untuk bergambar kenang-kenangan.

Projek pengubahsuaian pondok telefon usang kepada perpustakaan mini berwarna-warni itu merupakan hasil inisiatif oleh Penggerak Komuniti Muda (PEKA) iaitu sebuah program berkaitan pendidikan yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pengarah Eksekutif PEKA Pulau Pinang, **JOSHUA WOO SZE ZENG** ketika ditemui berkata bahawa objektif utama pelaksanaan projek itu adalah untuk memupuk tabiat suka membaca dalam kalangan rakyat terutamanya generasi muda.

"Secara keseluruhannya, terdapat lima buah pondok telefon awam lama yang telah diubah suai menjadi perpustakaan mini.

"Tiga daripada perpustakaan mini ini adalah terletak di bahagian utara Lebuh Pantai manakala dua lagi masing-masing di Gat Lebuh Gereja dan Lebuh China.

"Melalui inisiatif ini, orang ramai boleh membaca, meminjam, menukar atau menderma buku mereka untuk berkongsi ilmu dengan masyarakat," katanya kepada Buletin Mutiara dalam wawancara khas 24 Januari lalu.

Menurut Sze Zeng, idea untuk menggerakkan projek tersebut muncul pada tahun 2019 lagi apabila beliau melihat beberapa pondok telefon lama yang terbiar di Lebuh Pantai berhampiran dengan balai polis.

"Pondok telefon awam ini dalam keadaan usang dan tidak boleh digunakan lagi yang mana secara tidak langsung telah 'mencacatkan' pemandangan kerana ia berada di tengah-tengah Tapak Warisan Dunia UNESCO di George Town.


JOSHUA Woo Sze Zeng.

"Pada masa itu, saya merasakan bahawa saya perlu melakukan sesuatu untuk mengubah pemandangan ini.

"Selepas lama berfikir dan mengkaji, saya memutuskan untuk mengubah pondok telefon lama ini menjadi sebuah perpustakaan mini demi manfaat semua.

"Walau bagaimanapun, kami tidak mahu mengubahnya menjadi perpustakaan mini biasa, sebaliknya mahu menjadikannya lebih kreatif untuk menarik minat orang ramai terutama golongan muda.

"Justeru, kami mengecat kesemua lima pondok telefon lama dengan pelbagai warna menarik seperti kuning, merah, biru dan merah jambu untuk menarik perhatian orang ramai ke perpustakaan mini ini," tambahnya.

Dalam pada itu, Sze Zeng menzahirkan rasa gembira kerana Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang merupakan pemilik bagi kesemua pondok telefon lama berkenaan turut bekerjasama dengan PEKA bagi menjayakan projek pengubahsuaian itu.

"Selepas mendapat kelulusan MBPP, kami mula menghias pondok telefon itu pada tahun awal 2020 tetapi tertangguh selama hampir dua tahun kerana pelaksanaan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan pandemik COVID-19.

"Namun, selepas tamat PKP, kami akhirnya berjaya menyiapkan perpustakaan mini ini pada akhir tahun lalu.

"Saya gembira kerana MBPP menyukai idea kami, malah mereka juga turut membantu menghias pondok telefon lama seperti menyediakan *port USB* dan lampu untuk membolehkan orang ramai mengunjungi perpustakaan mini ini pada waktu malam.

"Kos keseluruhan bagi projek pengubahsuaian adalah sekitar RM9,000 manakala reka bentuk perpustakaan ini dibuat tanpa mengubah struktur pondok telefon sedia ada.

"Kami hanya membersihkan pondok telefon ini, membuang sistem pendawaian yang rosak serta bahagian-bahagian yang tidak diingini, mengecat, dan kemudiannya memasang rak yang dicat menggunakan cat akrilik.

"Semua buku yang diletakkan di sini pula adalah disumbangkan oleh orang ramai," ulasnya lanjut.

Dalam wawancara itu juga, beliau turut menasihatkan orang ramai agar tidak melakukan perbuatan vandalisme di perpustakaan mini berkenaan.

"Sebelum ini, terdapat beberapa aktiviti vandalisme di perpustakaan mini dan perkara tersebut adalah amat menyusahkan kerana kami perlu mengecat serta membaiki semula mana-mana bahagian yang rosak atau hilang.

"Jadi, kami menggesa orang ramai supaya lebih menghargai perpustakaan mini awam yang disediakan ini dan menggunakannya dengan betul.

"Ada juga kes yang mana buku-buku di sini dicuri, tetapi sekiranya buku yang dicuri itu dapat menyemai tabiat membaca dalam kalangan mereka yang berbuat demikian, saya secara peribadi tidak kisah kerana kita telah berjaya mencapai objektif iaitu menyemai tabiat membaca dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda," katanya.

Tambah Sze Zeng, sejak projek perpustakaan mini tersebut siap, ia telah menjadi tempat yang popular untuk orang ramai mengambil gambar kenang-kenangan.

"Ia sekali gus dapat mempromosikan lagi Pulau Pinang dari segi pelancongan," katanya.

Ketika ditanya mengenai rancangan masa depan berkaitan projek tersebut, Sze Zeng berkata beliau merancang untuk mengubah suai lebih banyak pondok telefon lama menjadi perpustakaan mini di beberapa lagi lokasi di negeri ini termasuk di Seberang Perai.

"Setakat ini, kami sudah mengenal pasti empat lokasi baharu untuk kami melihat kemungkinan bagi menjalankan projek pengubahsuaian ini yang mana salah satu lokasinya adalah di Bukit Mertajam," katanya mengakhiri bicara.

Bagi mereka yang berminat untuk menderma buku atau bahan bacaan lain boleh hubungi Lester Tan (Adam Lester) di talian 011-2409 5881.


KEADAAN pondok telefon sebelum ini.



RUPA bentuk pondok telefon yang telah diubah suai.

# Impak pandemik

## Jaffri pilih Balik Pulau pelopori bidang perniagaan



PINTU masuk *Prominent Stable Penang* dekat Kampung Permatang Pasir, Balik Pulau.

**SUSULAN** 'ledakan' kes jangkitan COVID-19 sejak dua tahun lalu, penasihat kewangan, **JAFFRI OSMAN**, meninggalkan kehidupan selesanya di kota dan kembali ke perkampungan Balik Pulau untuk menjadi seorang penternak kuda.

Bermula dengan menganjurkan aktiviti latihan menunggang kuda di *Prominent Stable Penang* dekat Kampung Permatang Pasir, perniagaan Jaffri semakin mendapat sambutan bukan sahaja dalam kalangan penduduk setempat, malahan juga pelancong dari luar negeri.

Jelas beliau, ilham untuk memulakan perniagaan tersebut adalah selepas kerajaan memperkenalkan konsep 'bekerja dari rumah' ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara termasuk negeri Pulau Pinang.

"Saya seorang yang lebih gemar melakukan pekerjaan secara fizikal berbanding bekerja dari rumah kerana pada setiap hari saya perlu melakukan sesuatu dan tidak boleh duduk bersantai sahaja.

"Inspirasi memulakan perniagaan ini tercetus ketika saya berada di sebuah kafe minuman yang mana pada masa itu, saya melihat seorang joki kuda ingin membeli minuman secara pandu lalu dengan menunggang kuda.


JAFFRI Osman.

"Saya berasa amat kagum ketika melihat kejadian itu, dan dari situlah saya mula menanam minat dan impian yang besar untuk melakukannya suatu hari nanti," ujarnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** pada sesi wawancara baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jaffri memaklumkan bahawa beliau seorang yang amat menggemari haiwan terutamanya kuda.

"Saya melihat kuda sebagai seekor 'kucing gergasi' kerana kelakuannya yang mirip dengan kucing.

"Kini, terdapat hampir sembilan ekor kuda di kandang yang mana sesetengah daripadanya amat manja dengan saya.

"Sebagai contoh, apabila saya mengalami hari yang tidak baik, kuda tersebut seakan-akan memahami dan turut 'berkomunikasi' sambil menggerakkan badannya sebagai tanda respons.

"Dalam pada itu, saya turut belajar menternak ayam, itik, arnab dan biri-biri untuk lebih menguasai bidang ini dan dalam masa yang sama dapat memperoleh sesuatu yang bermanfaat," ujarnya.

Jaffri turut menyatakan bahawa pemilihan Balik Pulau sebagai pusat operasi perniagaan adalah selepas mengambil kira keadaan persekitaran yang nyaman serta dipenuhi penduduk kampung yang mesra.

"Saya merupakan anak jati Pulau Pinang tetapi menetap sekitar kota… oleh itu saya merasakan aktiviti menunggang kuda sesuai dijalankan di sekitar Balik Pulau yang dipenuhi pemandangan sawah padi serta *'hidden gems'* menarik.

"Selain itu, pelanggan yang menjalani aktiviti menunggang *all-terrain vehicle* (ATV) berpeluang menikmati keindahan alam serta merasai keseronokan sepanjang perjalanan yang akan dibimbing oleh pekerja di situ," tambahnya sambil memberitahu bahawa beliau menyewa tanah seluas satu ekar untuk menjalankan perniagaan tersebut.

Tambah beliau, kos yang digunakan untuk membeli kuda adalah agak tinggi bergantung kepada jenis baka, stamina dan kualiti yang menyebabkan harga kuda berubah-ubah di pasaran.

"Harga kuda yang paling rendah boleh didapati adalah RM6,000 manakala yang paling tinggi boleh mencecah sehingga RM100,000 seekor.

"Kos bulanan untuk membiayai seekor kuda pula sebanyak RM2,000 termasuk makanan serta penjagaan kesihatan kuda tersebut sekiranya mengalami kecederaan dan sebagainya," jelasnya sambil menambah bahawa seekor kuda diberi makan sebanyak empat kali sehari dan tidak akan bekerja sewaktu cuaca yang panas.

Di kesempatan itu juga, pasukan Buletin Mutiara berpeluang menyaksikan proses kuda diberikan makanan serta mengalami sendiri pengalaman menunggang kuda pada hari tersebut.


SALAH seorang pengunjung merasai pengalaman menunggang kuda.

Mengulas lanjut, Jaffri menyatakan bahawa tujuan beliau membuka pusat latihan tersebut adalah lebih cenderung kepada trend perniagaan semasa dan bukannya memfokuskan keuntungan semata-mata.

"Saya percaya perniagaan yang dijalankan ini sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat setempat dan menggalakkan mereka memulakan perniagaan sendiri sambil sama-sama berkongsi pengalaman serta pengetahuan," ulasnya.

Mengakhiri sesi temu ramah, Jaffri turut menyatakan bahawa beliau bercita-cita untuk meluaskan lagi perniagaannya dan menceburi lebih banyak bidang yang lain.

"Saya bercadang untuk membina gerai-gerai kecil di sekitar tempat latihan supaya penduduk setempat berpeluang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

"Dengan itu, banyak peluang pekerjaan dapat disediakan di samping penduduk setempat dapat memperoleh pendapatan dari hasil titik peluh mereka sendiri," jelasnya lanjut.



AKTIVITI menunggang ATV yang turut menjanjikan pengalaman menarik.

# PESA sebagai pasukan ternama dan disegani



AKSI atlet Pulau Pinang berlatarbelakangkan Jambatan Angkat Kuala Terengganu di lautan yang agak bergelora.

**SETELAH** hampir dua tahun tertangguhnya penganjuran kejohanan sukan perahu layar akibat pandemik COVID-19, peminat sukan berkenaan pastinya teruja dengan penganjuran *Terengganu Monsoon Challenge 2021* (TMC 2021) yang berlangsung pada 29 Disember 2021.

Penganjuran bertaraf kebangsaan yang diadakan selama empat hari, dengan penyertaan lebih 200 atlet sukan pelayaran dari seluruh negara ternyata bukan sahaja memberi kelegaan buat peminat sukan tersebut malah pasukan Pulau Pinang yang menyertainya.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** berkesempatan menghubungi Timbalan Pengerusi Persatuan Perahu Layar Pulau Pinang (PESA), **MOHD. ZAIDI OTHMAN** bagi berkongsi pengalaman ketika menyertai kejohanan TMC tahun lalu.

Menurut Mohd. Zaidi, sukan perahu layar boleh dikategorikan sebagai sukan ekstrem kerana bukan semata-mata melibatkan keadaan cuaca dan tiupan angin tidak menentu tetapi juga melibatkan kemahiran mengendalikan kapal layar.

"Pastinya tiupan angin yang kuat menguji para peserta terutama diadakan ketika musim tengkujuh seperti baru-baru ini.

"Sebelum ini, kejohanan sukan perahu layar ini terhenti akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penularan pandemik COVID-19.

"(Dan) kejohanan di Terengganu (TMC) menjadi penyertaan pertama bagi kem perahu layar Pulau Pinang.

"Pengalaman ini (menyertai TMC) sangat ekstrem dan hanya dapat dirasakan setahun sekali sahaja, justeru menjadikan kejohanan ini sangat mencabar dan unik," ujarnya sebagai pembuka bicara.

Walaupun baru kali pertama menyertainya, pencapaian PESA cukup membanggakan ekoran kejayaan membawa pulang satu pingat emas, satu perak dan dua gangsa.

Manakala untuk kedudukan di tempat keempat hingga ketujuh turut diraih melalui tiga acara berlainan.

Kilauan emas berjaya dimiliki oleh Ong Shuyi melalui *'Optimist Junior'* manakala pingat perak hadir melalui Teoh Yun Yie *(Laser 4.7)* dan Dhiya Fatimatun (*Optimist Junior, Division C*).

Sementara itu, Nur Farhana Athirah, Dania Qistina pula masing-masing berjaya membawa pulang pingat gangsa.

Antara kategori yang disertai oleh pasukan perahu layar Pulau Pinang adalah *optimist*, *laser* dan *windsurf*.

Memandangkan ia adalah kali pertama penyertaan Pulau Pinang, Mohd. Zaidi percaya bahawa anak buahnya mampu bangkit untuk memberikan saingan lebih sengit pada masa akan datang.

"Penyertaan ini adalah satu pengalaman berharga untuk kita terus belajar dan mematangkan diri sebagai persiapan rapi untuk pertandingan akan datang.

"PESA menghantar 14 peserta yang berumur antara lapan hingga 19 tahun, jadi saya lihat peluang mereka untuk menyinar pada masa hadapan itu ada asalkan mereka mampu beri komitmen serta rajin berlatih," ulas beliau.



PASUKAN PESA bergambar kenangan sejurus menamatkan saingan TMC 2021 di Terengganu baru-baru ini.



BAKAT-bakat cilik yang menjadi pertaruhan sukan perahu layar Pulau Pinang untuk menyinar kelak.

Ditanya mengenai fokus PESA selepas ini, Mohd. Zaidi memaklumkan bahawa pihaknya kini dalam rangka persiapan satu kejohanan di Langkawi.

"Sekarang kita fokus untuk meningkatkan lagi kemahiran atlet sebagai persediaan menyertai LADA Langkawi International Regatta Perdana dalam tahun ini juga.

"Cabaran pasti berbeza dengan TMC yang tamat baru-baru ini, namun saya yakin dengan kemampuan anak-anak buah saya untuk memberikan persembahan terbaik.

"Harapan saya pada masa akan datang sekiranya khidmat saya masih diperlukan adalah menaikkan nama PESA menjadi sebuah pasukan perahu layar ternama dan disegani di Malaysia.

"(Dan) seterusnya melahirkan atlet-atlet yang mampu mewakili negara ke peringkat global," katanya menutup bicara.



MOHD. Zaidi Othman.

